

DASAR PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
www.sisley-paris.com/en-MY/personal-data/

Kemas kini: Oktober 2023

SISLEY memberi perhatian tertentu kepada melindungi data peribadi yang anda berikan atau yang dikumpulnya.

SISLEY melakukan segala usaha untuk memastikan tahap tertinggi untuk perlindungan data peribadi anda mengikut peraturan-peraturan semasa, terutamanya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP"). SISLEY berhak untuk mengubah suai Dasar Perlindungan Data Peribadi ini ("Dasar") dari semasa ke semasa dengan menerbitkan Dasar yang dikemas kini di www.sisley-paris.com/en-MY (selepas ini "Laman"). Penggunaan berterusan Laman atau perkhidmatan kami oleh anda merupakan pengakuan dan penerimaan anda terhadap pengubahsuaian tersebut. Untuk tujuan Dasar ini, terma-terma "data peribadi", "pengguna data" dan "pemprosesan" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam APDP.

Dasar ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak SISLEY dan untuk memberi anda pemahaman yang lebih baik tentang cara SISLEY melindungi data peribadi anda. Anda dengan ini bersetuju bagi pemprosesan data peribadi anda mengikut Dasar ini.

Kami meminta anda untuk membaca dokumen ini sebelum menghantar data peribadi anda.

1. PENGGUNA DATA

Dasar ini dikeluarkan oleh pengguna data, SISLEY COSMETICS SDN. BHD. (selepas ini "SISLEY"), sebuah syarikat yang diperbadankan dan didaftarkan di Malaysia dengan nombor pendaftaran syarikat: 200101026713 (562471-W) dan pejabat berdaftaranya di: Unit No. A-18-02, 18th Floor, Northpoint Offices, Mid Valley City, No. 1, Medan Syed Putra Utara, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

2. APAKAH DATA PERIBADI YANG DIKUMPUL?

SISLEY mungkin mengumpul, menyimpan, memproses, memindahkan dan menggunakan data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Identiti anda (tajuk, nama pertama dan nama keluarga, alamat, nombor telefon dan/atau mudah alih, alamat e-mel, tarikh lahir, umur, jantina, gambar, nombor kad pengenalan, kod pemprosesan dalaman yang membolehkan pelanggan dikenal pasti).
- Maklumat pembayaran anda (butiran akaun bank, butiran kad kredit).

3. BAGAIMANA KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI

SISLEY boleh mengumpul data peribadi anda daripada pelbagai sumber seperti:

- Apabila anda melawat Laman,
- Apabila anda melanggan surat berita SISLEY,
- Apabila anda membuat akaun anda di Laman,
- Apabila anda membuat pesanan di Laman dan menjawab tinjauan kepuasan pelanggan,
- Apabila anda menulis kepada SISLEY melalui mel, e-mel, chat atau apabila anda menghubungi,
- Apabila anda memberikan pendapat anda tentang produk, perkhidmatan atau kandungan,
- Apabila anda mengambil bahagian dalam inisiatif tertentu (persampelan, pertandingan, semua inisiatif promosi).
- Apabila anda berkongsi kandungan di rangkaian sosial seperti Instagram, Facebook, Pinterest atau Twitter menggunakan hashtag #sisley atau hashtag lain yang ditawarkan SISLEY,
- Melalui cookies,
- Daripada semua komunikasi lain antara anda dengan SISLEY dan semua maklumat lain yang mungkin anda berikan kepada SISLEY dari semasa ke semasa.

Apabila mengumpul data peribadi, sifat mandatori data ditunjukkan dengan asterisk atau cara lain (secara kolektif "data peribadi wajib"). Anda wajib memberikan kami data peribadi wajib dan jika anda gagal berbuat demikian, kami mungkin tidak dapat memproses data peribadi anda untuk sebarang maksud yang dinyatakan dalam Dasar ini.

4. APAKAH MAKSUD-MAKSUD?

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpul dan diproses selanjutnya oleh SISLEY untuk maksud-maksud berikut:

- Memberikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami kepada anda, termasuk memenuhi pesanan anda dan mengurus dan menjejaki pesanan, memproses sebarang pembayaran, jika berkenaan pencegahan, pengesanan dan pengurusan penipuan atau hutang yang tidak dibayar, menguatkuasakan hak-hak kami dan mendapatkan nasihat profesional,
- Menguruskan dan memantau hubungan komersial,
- Menguruskan pendapat pelanggan tentang produk, perkhidmatan dan kandungan yang dibeli,
- Menguruskan dan memantau akaun-akaun pelanggan,
- Menguruskan langganan SMS atau Surat Berita SISLEY,
- Menjalankan inisiatif yang bertujuan untuk kesetiaan, mencari bakal pelanggan, promosi dan menyesuaikan pelbagai komunikasi (digital, e-mel, kertas, sms) daripada SISLEY,

- Menjalankan kempen-kempen telepemasaran,
- Maksud-maksud pembangunan perniagaan, tinjauan/penyelidikan pasaran dan analisis trend seperti penilaian keberkesanan kandungan pemasaran atau pengiklanan kami, penyusunan statistik jualan, pengurusan dan penilaian risiko, analisis data untuk menambah baik perkhidmatan/produk kami dan untuk maksud membantu kami dalam sebarang urusan dengan anda di masa hadapan, sebagai contoh, dengan mengenal pasti keperluan dan pilihan anda,
- Menyesuaikan dan terus meningkatkan pengalaman membeli-belah anda di Laman,
- Menguruskan pendaftaran pelanggan untuk persampelan produk dan tempahan perundingan, dan
- Maksud-maksud lain yang dibenarkan oleh anda atau berkaitan secara langsung atau bersampingan dengan yang tersebut di atas.

5. BERAPA LAMA DATA DISIMPAN?

SISLEY akan berhenti menyimpan data peribadi anda, atau mengalih keluar cara data itu boleh dikaitkan dengan anda, sebaik sahaja munasabah untuk menganggap bahawa peyimpanan sedemikian tidak lagi memenuhi maksud data peribadi itu dikumpulkan, dan tidak lagi diperlukan untuk maksud-maksud undang-undang atau perniagaan.

Secara umum, SISLEY menyimpan data peribadi anda untuk tempoh masa yang membolehkannya mematuhi semua kewajipan undang-undang mengikut peruntukan yang berkuat kuasa atau untuk tempoh yang tidak melebihi tempoh pengurusan komersialnya atau berapa lama pun maksud-maksud yang ditakrifkan oleh SISLEY memerlukan.

6. KEPADA SIAPA YANG BOLEH KAMI MENZAHIRKAN DATA PERIBADI ANDA?

Kami mungkin menzahirkan/memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga berikut (yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia) berkaitan dengan atau untuk memenuhi mana-mana maksud-maksud yang dinyatakan dalam Dasar ini:

- perbadanan-perbadanan berkaitan, subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat sekutu dan/atau syarikat kumpulan SISLEY termasuk tetapi tidak terhad kepada SISLEY COSMETICS SDN. BHD., SISLEY SINGAPORE PTE. LTD, c.f.e.b. SISLEY (France),
- pembekal perkhidmatan, rakan-rakan perniagaan, kontraktor yang dipilih untuk kepakaran mereka dan bagi pihak SISLEY untuk mencapai maksud-maksud yang ditentukannya seperti pembekal pembayaran, penghantaran, pemasaran atau perkhidmatan IT,
- penasihat profesional SISLEY,
- bank, pembekal pengesahan kad kredit dan pemproses pembayaran,
- jabatan dan/atau agensi kerajaan (termasuk tanpa had separa dan separa kerajaan), badan kawal selia dan/atau berkanun serta pegawai penguatkuasa undang-undang,
- pihak ketiga seperti yang diminta atau dibenarkan oleh anda atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang;
- pihak ketiga lain untuk sebarang maksud-maksud dalam Dasar ini.

Dalam apa jua keadaan, SISLEY tidak menjual data peribadi anda kepada sesiapa sahaja.

Jika diminta oleh pihak berkuasa, SISLEY mungkin dikehendaki menghantar data peribadi anda mengikut peraturan yang berkenaan.

7. APAKAH TAHAP KERAHSIAAN DAN KESELAMATAN DATA?

Selaras dengan amalan terbaik pada tarikh ini, SISLEY melaksanakan semua langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sesuai berkenaan dengan sifat data dan risiko yang dihadapi oleh pemrosesannya untuk memelihara keselamatan tertinggi dan kerahsiaan paling ketat data peribadi anda dan, khususnya, untuk mengelakkannya daripada diputarbelitkan, rosak atau diakses oleh pihak ketiga yang tanpa kuasa.

Langkah-langkah ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada: akses terhad kepada data, syarat-syarat kontrak apabila menggunakan pembekal perkhidmatan, langkah-langkah keselamatan seperti akses selamat, perisian antivirus, proses pengesahan, firewalls.

8. PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA

Data peribadi anda mungkin dipindahkan ke negara-negara di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda untuk pemindahan tersebut.

9. APAKAH DASAR COOKIES?

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang dasar cookies kami, sila lawati bahagian cookies kami: www.sisley-paris.com/en-MY/use-of-cookies/

10. APA HAK-HAK ANDA?

Selaras dengan APDP, anda boleh menggunakan hak-hak berikut berkenaan dengan data peribadi anda dengan menghantar:

- E-mel melalui bahagian "Hubungi kami" di Laman.

- Surat ke alamat berikut: SISLEY COSMETICS SDN. BHD., Unit No. A-18-02, 18th Floor, Northpoint Offices, Mid Valley City, No. 1, Medan Syed Putra Utara, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Mengehadkan pemprosesan data peribadi anda: Anda boleh mengehadkan pemprosesan data peribadi anda atau meminta kami menghentikan atau tidak mula memproses data peribadi anda untuk maksud-maksud pemasaran langsung. Anda juga mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan kepada kami sebelum ini (sepenuhnya atau sebahagiannya) pada bila-bila masa, dengan menghantarkan permintaan anda secara bertulis atau melalui e-mel, tanpa menjejaskan kesahihan pemprosesan berdasarkan persetujuan yang telah diberikan sebelum penarikannya dan tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan dan tempoh masa yang munasabah untuk penarikan balik kebenaran itu dilaksanakan. Jika anda mengehadkan pemprosesan atau menarik balik persetujuan anda kepada mana-mana atau semua penggunaan data peribadi anda oleh kami seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini, ia boleh mengakibatkan: (i) kami tidak dapat terus mentadbir sebarang pengaturan atau hubungan kontrak yang wujud antara anda dan kami; (ii) kami tidak dapat (terus) melaksanakan mana-mana kewajipan kontrak kami kepada anda (jika ada); (iii) kami tidak dapat memproses data peribadi anda untuk sebarang maksud-maksud dalam Dasar ini; dan/atau (iii) penamatan sebarang pengaturan/perjanjian/kontrak antara anda dan kami, tanpa sebarang liabiliti di pihak kami.

Akses dan pembetulan: Anda boleh membuat (a) permintaan akses untuk akses kepada salinan data peribadi yang kami pegang tentang anda, atau (b) permintaan pembetulan untuk membetulkan atau mengemas kini mana-mana data peribadi anda yang kami meyliman tentang anda.

Sila ambil perhatian bahawa fi yang berpatutan mungkin dikenakan untuk permintaan akses. Jika begitu, SISLEY akan memaklumkan anda tentang fi tersebut sebelum memproses permintaan anda.

SISLEY akan membalas permintaan anda secepat mungkin, tertakluk kepada peruntukan APDP. Jika kami tidak dapat memberikan anda apa-apa data peribadi atau membuat pembetulan yang diminta oleh anda, kami akan memberitahu anda sebab kami tidak dapat berbuat demikian.

Ketepatan data peribadi anda: SISLEY secara umumnya bergantung pada data peribadi yang anda berikan (atau wakil sah anda). Untuk memastikan data peribadi anda adalah terkini, lengkap dan tepat, sila memberitahu kami jika terdapat perubahan terhadap data peribadi anda.

Anda juga mempunyai hak untuk membuat aduan dengan pihak berkuasa penyeliaan yang kompetent.

11. BAGAIMANA ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI?

Anda boleh menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda melalui kaedah di bawah:

Jawatan: Pegawai Perkhidmatan Pelanggan E-Dagang

Nombor Telefon: +603-22834648 Isnin hingga Jumaat dari 9:30 pagi to 5:30 petang

Nombor Faks: +603-2280 0648

Alamat e-mel: sisley.my@sisley.fr

12. BAHASA

Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Dasar ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.